



HARGAI KEMUDAHAN AWAM BUKTI KESYUKURAN
26 Februari 2015M/ 17 Jamadilawwal 1437H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ وَأَنْعَمَ، وَهَدَانَا بِالْقُرْآنِ لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ،

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا كَانَ لِنَبِيِّ أَنْ يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ وَهُمْ

لَا يُظْلَمُونَ ﴿١١١﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَأِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، وَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah bersama-sama kita membangunkan taqwa kepada Allah SWT di dalam jiwa dengan ketaatan mematuhi syariat, melaksanakan perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya. Itulah taqwa, yang menjamin keredhaan Allah SWT kepada kita. Persiapkanlah bekalan untuk kehidupan di akhirat, sesungguhnya sebaik-baik bekalan adalah Taqwa.

Kehidupan di zaman yang serba moden pada hari ini, menyediakan pelbagai kemudahan dan keselesaan. Prasarana dan kemudahan-kemudahan ini dapat dinikmati di mana sahaja, sehingga di masjid-masjid juga menyediakannya untuk kita. Semua nikmat Allah yang sedang kita kecap ini, sewajarnya mampu meningkatkan rasa syukur kita kepadaNya. Sejar dengan tuntutan ini, Khutbah



Jumaat hari ini akan membincangkan tajuk **“Hargai Kemudahan Awam Bukti Kesyukuran”**.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Hari ini, kemudahan yang tersedia di masjid-masjid di sekitar kita, jauh lebih baik berbanding puluhan tahun dahulu. Ruang solat yang selesa dengan hamparan permaidani, kemudahan elektrik, penghawa dingin atau kipas angin, kemudahan ruang wuduk, bilik air dan tandas yang dikawal selia. Malah ada masjid yang menyediakan kemudahan internet dan wifi, paparan maklumat digital dan pelbagai prasarana untuk menjamin keperluan dan keselesaan beribadah umat Islam hari ini.

Namun apa yang menyedihkan, terdapat dari kalangan ahli jemaah yang tidak menghargai kemudahan-kemudahan yang disediakan. Seringkali kita temui kejadian-kejadian yang tidak sewajarnya berlaku seperti lampu dan kipas terbiar tidak dimatikan suis selepas digunakan. Begitu juga paip air tidak ditutup kemas sehingga mengakibatkan pembaziran air tanpa sesiapa sudi menutupnya. Bukankah semua ini menambah kos pembiayaan pengurusan masjid yang sepatutnya boleh digunakan untuk manfaat umum yang lain?

Kemudahan-kemudahan ini bukan sahaja tidak dijaga dan digunakan dengan baik, malah ada yang tergamak mencuri dan merosakkannya. Kes kehilangan kepala paip, kerosakan kunci pintu, pam tandas, suis lampu dan kipas adalah cerita ulangan saban minggu yang kita dengar. Apa yang lebih menyedihkan, ada di antara masjid yang baru dibuka dan baru menyempurnakan kerja-kerja pembaikan semula turut mengalami masalah yang sama. Banyak kerosakan dan kehilangan berlaku biarpun baru beroperasi sebulan. Inilah budaya vandalisme yang telah menular ke rumah-rumah Allah. Ia adalah perlakuan yang lahir dari hamba-hamba Allah yang jiwa mereka tiada rasa takut kepadaNya apatah lagi untuk mencintainya.

Kekerapan dan berulang kali kejadian ini berlaku mengundang tanda tanya di minda kita; Wajarkah semua ini terjadi di rumah Allah, tuhan yang kita sembah? Di tahap manakah iman kita, sehingga di rumah Allah pun kita tidak merasai gerun



terhadapNya? Ke mana hilangnya sikap prihatin umat Islam pada kesejahteraan tempat ibadah mereka?

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Saban hari kita diperingatkan tentang dosa dan pahala, tentang amanah dan tanggungjawab, tentang hisab di akhirat terhadap apa juga yang kita lakukan. Berulang kali kita dinasihatkan agar menjaga kemudahan awam kerana ia adalah amanah Allah yang akan dipersoalkan nanti di akhirat. Namun semua tazkirah dan peringatan ini dipandang sepi dan tidak dipedulikan. Apa juga yang diperkatakan bagaikan tidak memberi apa-apa kesan di jiwa kita. Ibarat mencurahkan air di daun keladi. Ini semua berpunca dari perlakuan dosa yang dilakukan secara berterusan tanpa disusuli dengan taubat. Akhirnya, tompok-tompok dosa di hati menjadi hitam berkarat. Karat-karat dosa inilah yang menjadi penghalang daripada melakukan kebaikan dan mendorong kepada perlakuan yang membawa kerosakan dan kejahatan. Renungi firman Allah di dalam surah al-Mutaffifin ayat 14 :

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya : *“Sebenarnya, bahkan mata hati mereka telah diselaputi kekotoran dosa, dengan sebab (perlakuan maksiat dan dosa) yang mereka kerjakan.”*

Sidang jemaah yang dikasihi,

Marilah kita membersihkan hati kita dengan menghayati dan mengamalkan ajaran agama bersumber dari Al-Quran dan As-Sunnah. Penghayatan dan amalan agama inilah yang akan membina iman di jiwa kita. Berikut dinyatakan beberapa pedoman untuk kita kembali menjadi hamba Allah yang bersyukur dan beriman:

Pertama: Menghargai nikmat Allah membawa keberkatan hidup

Prasarana-prasarana awam adalah harta kurniaan Allah yang perlu dihargai. Memelihara harta dan prasarana awam adalah bukti kita mensyukuri nikmat Allah SWT. Ia membawa keberkatan dalam hidup. Namun sekiranya kita tidak menggunakannya secara betul, ia akan menghilangkan keberkatan dalam hidup, lalu menjadikan kita tidak pernah puas dengan apa yang ada. Imam Al-Bukhari Rhm. meriwayatkan daripada Abu Said al-Khudri, bahawa Rasulullah SAW bersabda:



وَإِنَّ هَذَا الْمَالَ حُلْوَةٌ، مَنْ أَخَذَهُ بِحَقِّهِ، وَوَضَعَهُ فِي حَقِّهِ، فَنِعْمَ الْمَعُونَةُ هُوَ، وَمَنْ أَخَذَهُ بِغَيْرِ حَقِّهِ
كَانَ كَالَّذِي يَأْكُلُ وَلَا يَشْبَعُ

Maksudnya : “*Sesungguhnya harta itu ibarat tanaman hijau yang manis. Sesiapa yang mengambilnya dengan cara yang benar lalu meletakkannya dengan cara yang benar, maka harta tersebut adalah sebaik-baik penolong baginya. Dan sesiapa yang mengambilnya dengan cara yang tidak benar, maka dia seperti orang yang makan tetapi tidak pernah merasa kenyang.*”

Kedua : Memupuk rasa bertanggung jawab dan prihatin

Setiap kita perlu mendidik diri untuk lebih prihatin dan rasa bertanggung jawab terhadap kemudahan-kemudahan awam yang merupakan nikmat yang dikongsi secara bersama. Meskipun ia bukan milik peribadi, tetapi bukankah manfaatnya tetap dapat kita gunakan selama mana ia dalam keadaan baik dan sempurna? Apa salahnya jika kita terlihat paip air yang terbuka, lampu atau kipas yang masih terpasang tanpa digunakan, kitalah yang bergegas menutupnya. Jika ada sampah dan kotoran, kitalah yang bersegera membersihkannya. Bukankah baik jika kita gunakan segala peralatan di masjid ini dengan berhemah agar jangka hayatnya lebih lama untuk dinikmati oleh semua? Yakinlah, apa sahaja kebaikan yang kita lakukan untuk rumah Allah, ganjarannya amat besar. Imam Ibnu Majah meriwayatkan daripada Abu Said Al-khudri bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَخْرَجَ أَدَىً مِنَ الْمَسْجِدِ بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ

Maksudnya: “*Sesiapa yang mengeluarkan apa jua kekotoran dari masjid, Allah akan bina untuknya sebuah mahligai di Syurga.*”

Ketiga : Wariskan Sikap dan Budaya Yang Baik

Generasi hari ini perlu menjadi teladan kepada anak-anak mereka dengan sikap yang baik seperti bertimbang rasa, sabar, prihatin dan bertanggungjawab. Wariskan kepada mereka sifat-sifat mulia agar mereka tampil sebagai insan yang beriman dan takutkan azab di akhirat. Janganlah jemu untuk terus menasihati, mendidik,



membentuk dan mengasuh jiwa mereka dengan nasihat yang baik. Dalam masa yang sama, kita perlulah mempamerkan syaksiah Islam yang akan menjadi contoh dan ikutan buat mereka. Alangkah baiknya jika mereka membesar dengan suasana masyarakat yang sentiasa memelihara apa jua prasarana yang tersedia, bertanggungjawab menguruskan harta awam secara sukarela atas rasa prihatin dan menghargai semua kemudahan di persekitaran mereka. Ingatlah, setiap paparan perlakuan yang diterima dan diikuti oleh anak-anak kita, sama ada baik atau buruk, ia merupakan pelaburan yang bakal kita tuai hasilnya di akhirat sana. Rasulullah telah memberi ingatan tentang perkara ini melalui hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah daripada Juhaifah RA, sabda baginda :

مَنْ سَنَّ سُنَّةً حَسَنَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كَانَ لَهُ أَجْرُهُ وَمِثْلُ أَجْرِهِمْ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْئًا وَمَنْ سَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كَانَ عَلَيْهِ وَزْرُهُ وَمِثْلُ أَوْزَارِهِمْ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْئًا

Maksudnya: “Sesiapa yang mengajarkan suatu kebaikan lalu diamalkan orang selepasnya maka untuknya pahala mereka yang mengamalkannya tanpa mengurangi pahala para pelaku amalan tersebut, begitu juga sesiapa yang mengajarkan suatu kejahatan lalu diamalkan orang selepasnya maka untuknya bebanan dosa mereka yang mengamalkannya tanpa mengurangi dosa para pelaku amalan tersebut .”

Para tetamu Allah yang dikasihi,

Yakinlah, sekiranya semua umat Islam bekerjasama untuk mengamalkan saranan-saranan yang dinyatakan, bagi memupuk sikap prihatin dan bertanggung jawab dalam memelihara segala prasarana masjid, insya Allah suatu hari nanti kita akan melihat hasilnya. Akan lahirlah nanti generasi yang cintakan kebaikan, amal kebajikan, bertanggung jawab dengan bertunjangkan iman, hidup dengan bahagia dan membahagia insan-insan lain. Inilah peribadi anggota masyarakat muslim sebenar yang kita dambakan.



Di penghujung khutbah, marilah kita kutip butiran-butiran mutiara khutbah Jumaat hari ini untuk dijadikan pedoman kehidupan, antaranya :

Pertama : Prasarana yang disediakan di masjid adalah nikmat kurniaan Allah yang sewajarnya dipelihara dan digunakan secara berhemah.

Kedua : Perlakuan merosak dan mengabaikan penjagaan kemudahan-kemudahan di masjid adalah budaya vandalisme yang mesti dijauhi. Ia petanda kelemahan iman dan akan menghilangkan keberkatan hidup pelakunya.

Ketiga : Buktikanlah kesyukuran dan raihlah ganjaran dengan membudayakan sikap prihatin dan bertanggungjawab terhadap kemudahan-kemudahan masjid mahupun awam yang tersedia.

Hayati Firman Allah di dalam surah al-Aa'raf ayat 179 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

Maksudnya : “Dan Sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (Tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (Tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (Tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلِكُمْ وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .



خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَبِإِيَّاسِ الصَّالِحِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِينَ، وَقُدُورَةِ النَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ، وَحَافِظُوا عَلَى الطَّاعَةِ
وَحُضُورِ الْجُمُعَةِ مَعَ الْمُصَلِّينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ
بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُقَرَّبِينَ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا بِالْمُؤْمِنِينَ :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.



وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيًّا،
وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ وَوُلَاةِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ الَّذِينَ قَضَوْا
بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ، وَخُصُوصًا عَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكْوَغِ
الْمُعْتَصِمِ بِاللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ تَوَانِكُو الْحَاجِّ عَبْدِ الْحَلِيمِ مُعَظَّمِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ
بَدَلِي شَاهِ، وَعَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اِكْوَغِ تَوَانِكُو حَاجِهِ حَمِينِه.
اللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَدِّينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً
رَخِيَّةً، يَا رَوْوْفُ بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, kami bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat yang Engkau kurniakan, berilah hidayah dan petunjuk kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami, kukuhkanlah perpaduan antara kami, satukanlah hati-hati kami di atas jalan-Mu, permudahkanlah segala urusan kami, tambahkanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa



kami dengan akhlak yang mulia, pimpinlah kami ke jalan yang Engkau redhai, teguhkanlah iman kami dalam menempuhi segala mihnah dan ujian-Mu, kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara kami Malaysia serta negeri kami khususnya Wilayah Persekutuan. Jauhkan kami dari sebarang pergolakkan, perpecahan dan huru-hara.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.